



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

---

### PERASMIAN PEJABAT BAHARU MBOT PERKUKUH PERANAN STRATEGIK DALAM EKOSISTEM BAKAT TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

---

**PUTRAJAYA, 11 FEBRUARI 2026** - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) hari ini mencatat satu pencapaian penting dengan merasmikan pejabat baharunya di Menara Ochre @ Alamanda, Putrajaya, sekali gus membuka lembaran baharu dalam pengukuhan peranannya sebagai pemacu utama ekosistem bakat teknologi dan teknikal negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Putrajaya, sebagai pusat pentadbiran negara merupakan nadi kepada penggubalan dasar dan tadbir urus nasional. Kedudukan MBOT yang berdekatan dengan kementerian dan agensi kerajaan akan memperkukuh koordinasi antara pihak berkepentingan, mempercepat pelaksanaan dasar serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada industri, pengamal teknologi dan masyarakat.

Selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui MBOT terus memainkan peranan strategik dalam memperkasa tenaga kerja teknologi negara melalui pembangunan profesional berterusan, pemerksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), serta pengiktirafan laluan kerjaya teknologis dan juruteknik.

Sejak penubuhannya, MBOT beroperasi di Ayer@8, Putrajaya dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Pekan, Pahang sebelum mengembangkan operasinya melalui pembukaan pejabat satelit di Futurise, Cyberjaya, dan seterusnya menyatukan seluruh tenaga kerjanya di dua unit berasingan di Ayer@8, Putrajaya.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Presiden MBOT, YBrs. Dr. Md Fauzi Md Ismail, Pendaftar MBOT, barisan pengurusan tertinggi MBOT, pegawai kanan MOSTI serta wakil-wakil industri.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) ialah sebuah badan profesional yang ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

t.nabila@mbot.org.my 03-8800 6268 / 017-798 2604